

14) KEMUDAHAN PRASARANA MESRA OKU

Adun : Y.B. Dato' Harrison Bin Hassan (Jeram)

Kategori : Lisan

Sesi : 1 (2026)

Sub soalan :

- a) Adakah Kerajaan Negeri menyediakan atau menetapkan satu garis panduan pembangunan bagi pemaju perumahan dalam memastikan setiap pembangunan wajib mempunyai ciri-ciri mesra OKU?

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri sememangnya telah menyediakan garis panduan pembangunan yang jelas bagi memastikan setiap projek perumahan mengambil kira keperluan mesra Orang Kurang Upaya (OKU). Keperluan perumahan mesra OKU telah lama diberi perhatian dalam perancangan perumahan di Negeri Selangor, khususnya melalui dasar dan ketetapan yang dilaksanakan oleh Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

Seiring dengan perkembangan dasar dan amalan perancangan semasa, pendekatan ini telah diperkemas melalui pemakaian piawaian kebangsaan iaitu Malaysian Standard MS 1184: Code of Practice on Access for Disabled Persons to Public Buildings. Pematuhan kepada piawaian ini telah diperincikan dalam pekeliling LPHS serta Garis Panduan dan Piawaian Perancangan yang dikeluarkan oleh PLANMalaysia@Selangor. Melalui pendekatan ini, elemen mesra OKU tidak lagi terhad kepada penyediaan unit tertentu sahaja, sebaliknya diterapkan secara lebih menyeluruh dalam reka bentuk pembangunan, termasuk aspek aksesibiliti, kemudahan bersama dan persekitaran kediaman, selaras dengan prinsip universal design.

Pendekatan berperingkat ini menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri bukan sahaja menetapkan garis panduan, malah sentiasa menambah baik dasar sedia ada bagi memastikan pembangunan perumahan yang lebih inklusif, praktikal dan memenuhi keperluan semua lapisan masyarakat termasuk golongan OKU.

